



Jambatan di Kampung Rantau Panjang yang retak mencemaskan penduduk setempat.



Noh (kiri) dan Sulaiman menunjukkan kesan keretakan jambatan.

Jambatan usang makin retak

Penduduk, penuntut Unisel ibarat gadai nyawa guna laluan berkenaan setiap hari

BESTARI JAYA – “Kami terpaksa pertaruhkan nyawa setiap kali guna jambatan retak ini untuk hantar anak dan cucu ke sekolah,” kata seorang penduduk, Gulmarjan Fakir Khan, 56, kepada Sinar Harian semalam.

Masalah jambatan retak bukan sahaja menjejaskan penduduk di Kampung Rantau Panjang b a h k a n akan men-

jejaskan lebih 6,000 orang kampung sekitar termasuk penuntut Universiti Selangor (Unisel) dan Kampung Bestari Jaya.

Menurutnya, jambatan di Kampung Rantau Panjang itu menjadi satu-satunya jalan untuk penduduk kampung ke sekolah dan tempat kerja namun mereka terpaksa berdepan risiko lebih-lebih lagi jambatan kian teruk akibat hakisan.

“Hakisan jadi lebih teruk lepas banjir baru-baru ini, sampai jambatan mendap...tapi kerosakan itu dah dibaiki tapi rosak semula sejak seminggu lalu.

“Memang terpaksa guna jambatan ini sebab kalau tak, kami terpaksa pusing jauh ke pekan untuk hantar anak ke sekolah.

“Terpaksalah lalu juga walaupun tahu jambatan sudah retak...memang kami tiada pilihan lain,” katanya yang turut sama melihat keadaan jambatan itu, semalam.

Seorang lagi penduduk, Haron Jaafar, 61, berkata, jambatan yang berusia lebih 70 tahun yang dibina selepas zaman Jepun itu menjadi nyawa penduduk kampung berulang alik sama ada ke pekan mahupun ke Kuala Selangor dan Rawang.

“Jambatan retak makin teruk sejak seminggu lalu dan penduduk bersama ketua kampung panjangkan masalah ini kepada Datuk Seri Noh yang ketbetulan ada program di kawasan ini.

“Sudah menjadi harapan penduduk mahu tengok jambatan ini dibaiki dan masalah hakisan dapat diselesaikan demi keselamatan kami,” katanya.

Turut dilalui lori muatan berat

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKKP) Rantau Panjang, Rahim Md Yatim, 56, menjelaskan, lori muatan pasir dan batu yang lalu lalang di kampung ini turut menyumbang

kerosakan jambatan menjadi lebih teruk.

“Sepatutnya jambatan ini hanya dilalui kenderaan ringan saja, tapi lori bawa muatan pasir yang lalu tengah malam dan subuh menyebabkan kerosakan lebih teruk.

“Dulu penduduk ada pasang had ketinggian di jambatan itu tapi disebabkan susah pemandu bas sekolah lalu lalang, had ketinggian itu dibuka.

“Bila jambatan itu sudah terbuka untuk kenderaan lain, jadi pemandu lori pun ambil kesempatan dan guna laluan untuk keluar masuk lombong di kawasan berhampiran,” katanya.

Rahim berkata, sebelum ini penduduk pernah menahan lori bagaimanapun mereka tidak mempunyai kuasa untuk menghalang kenderaan berat menggunakan jalan terbabit.

“Saya minta masalah jambatan retak ini diberi perhatian secepat mungkin sebab kita tak tahu status jambat-



HARON

an itu masih selamat digunakan atau tidak?

“Kalau boleh, jambatan ini dibaiki segera memandangkan sebelum ini, hanya peruntukan RM200,000 oleh kerajaan persekutuan digunakan untuk membaiki hakisan di sepanjang sungai ini,” katanya.

Kenal pasti status jambatan

Sementara itu, Ahli Parlimen Tanjong Karang, Datuk Seri Noh Omar bersama Adun Permatang, Datuk Sulaiman Abd Razak turut turun padang meninjau jambatan yang retak di kampung itu untuk membantu penduduk.

Menurut Noh, jambatan terbabit dilalui lori muatan pasir tak kira masa sehingga di luar waktu operasi menyebabkan keadaan jambatan itu semakin teruk.

“Saya minta pihak berkuasa dapat pantau lori pasir ini dan jangan bagi lalu di kawasan ini lagi.

“Sebab saya lihat mereka ini lalu tengah malam dan bimbang wujudnya kemungkinan kes curi pasir memandangkan masa mereka menggunakan jambatan ini cukup mencurigakan,” katanya.

Bercakap mengenai status jambatan, Noh menjelaskan, pihaknya tidak keberatan untuk membaiki jambatan terbabit sekiranya jambatan itu di bawah bidang kuasa kerajaan persekutuan.



GULMARJAN



Hanya tali pita amaran diletakkan di jambatan untuk panduan penduduk.



Hakisan sungai turut menjejaskan kedudukan jambatan.



Noh mendengar aduan penduduk.